



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

School of
Professional and
Continuing
Education
(SPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 1 – SESSION 2019/2020
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDSA 0053
KOD KURSUS

COURSE NAME : PRINSIP PERAKAUNAN
NAMA KURSUS

YEAR / PROGRAMME : PENGUKUHAN
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 JAM 30 MINIT
TEMPOH

DATE : NOVEMBER 2019
TARIKH

INSTRUCTION : Answer all questions in the answer booklet provided.
ARAHAN [Jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.]

(You are required to write your name and your college's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:

This examination paper consists of 8 pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi 8 muka surat termasuk kulit hadapan



PUSAT PROGRAM KERJASAMA

**PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK
ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK**

1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan maklumat yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
 - 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.
- 2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.
- 2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

Jawab SEMUA soalan.

[JUMLAH 100 markah]

BAHAGIAN A

Soalan Aneka Pilihan. Pilih jawapan yang betul untuk setiap soalan berikut:-

1. Simpan kira merupakan proses
 - A. menyediakan maklumat kewangan untuk membuat keputusan, perbandingan dan perancangan
 - B. merekod urus niaga perniagaan secara tepat dan sistematik berasaskan sistem catatan bergu
 - C. merekod urus niaga dalam dua akaun yang berbeza
 - D. mengelas, merekod, mentafsir, melapor dan menganalisis maklumat kewangan

2. Urus niaga persendirian tidak boleh dicatatkan dalam buku perniagaan. Amalan ini ialah konsep
 - A. tempoh perakaunan
 - B. materialiti
 - C. entiti berasingan
 - D. pepadanan

3. Pada 1 Januari 2012, Encik Salleh telah membeli sebidang tanah pada harga RM15,000. Pada 31 Disember 2018, harga pasaran tanah tersebut telah meningkat kepada RM50,000. Catatan dalam buku perniagaan masih menunjukkan harga tanah sebagai RM15,000. Ini merujuk kepada prinsip
 - A. wang sebagai ukuran
 - B. tempoh perakaunan
 - C. pepadanan
 - D. kos sejarah

4. Antara butir-butir berikut, yang manakah dikelaskan sebagai aset?
 - I. Tunai, Penghutang
 - II. Overdraf Bank, Modal
 - III. Pemiutang, Pinjaman
 - IV. Kenderaan, Stok

A. I dan II	C. II dan III
B. I dan IV	D. II dan IV

5. Jadual di bawah menunjukkan aset dan liabiliti seorang peniaga pada 30 Jun 2019

	RM
Kenderaan	50,000
Stok	11,680
Penghutang	2,420
Overdraf Bank	5,440
Pemiutang	1,000

Hitungkan modal beliau pada tarikh tersebut.

- A. RM54,820
 - B. RM65,700
 - C. RM57,660
 - D. RM68,540
6. Pernyataan berikut berkenaan dengan dokumen perniagaan, yang manakah **tidak benar**?
- A. Penyata akaun – sebagai suatu peringatan untuk meminta bayaran daripada pembeli
 - B. Nota kredit – digunakan jika pembeli dikenakan bayaran lebih kerana pertukaran barang
 - C. Borang pesanan – maklumat dalamnya tidak perlu direkodkan dalam perakaunan
 - D. Nota debit – untuk memberitahu pembeli tentang tambahan bayaran dalam invois yang terkurang caj
7. Apakah tujuan diskaun niaga?
- A. Menggalakkan pembeli membeli dengan kuantiti yang banyak
 - B. Menggalakkan pembeli membayar segera
 - C. Menarik lebih ramai pelanggan
 - D. Mengelakkan berlakunya hutang lapuk
8. Berikut ialah butir-butir yang terdapat dalam Penyata Kedudukan Kewangan / Kunci Kira-Kira **kecuali**
- A. Untung kasar
 - B. Ekuiti pemilik
 - C. Nama perniagaan
 - D. Tajuk dan tarikh penyata
9. Berikut ialah butir-butir yang terdapat dalam Akaun Perdagangan dan Akaun Untung Rugi **kecuali**
- A. Untung bersih dan kasar
 - B. Belian dan jualan
 - C. Stok awal dan akhir
 - D. Modal kerja

10. Antara pernyataan berikut, yang manakah merupakan tujuan penyata bank dikeluarkan oleh pihak bank kepada pemegang akaun semasa?

- I. Memberitahu segala urusan niaga yang berlaku antara kedua-dua pihak.
 - II. Memberitahu jumlah baki wang dalam akaun
 - III. Memudahkan pemegang akaun menyemak ketepatan catatan dalam Buku Tunai
 - IV. Memahami kegiatan perniagaan dan prestasi perniagaan
- A. I, II, dan III
 - B. I, III, dan IV
 - C. I, II, dan IV
 - D. II, III, dan IV

(Jumlah 10m)

BAHAGIAN B

1. Izzah seorang peniaga telah melabur sejumlah RM10,000 tunai sebagai modal ke dalam perniagaan. Berikut adalah aktiviti perniagaan sepanjang bulan Ogos 2019 :

- i. Deposit RM8,000 tunai di tangan ke dalam akaun bank.
- ii. Bayar belanja mengecat premis yang disewa RM500 secara tunai.
- iii. Beli alat perkakas kedai dengan bayaran cek RM1,900.
- iv. Beli inventori secara kredit daripada DW Trading RM1,100.
- v. Jualan secara tunai RM1,500.
- vi. Ambil RM500 tunai bagi kegunaan peribadinya.

Dikehendaki:

Merekodkan setiap urusan niaga tersebut dengan menggunakan format catatan bergu seperti berikut:-

No	Debit	Kredit
i.	Akaun Tunai	Akaun Bank

(Jumlah 10m)

2. Puan Senrose, seorang peniaga butik sutera, mempunyai maklumat yang berikut pada 1 Januari 2019:-

- i. Tunai di bank RM30,000 pada 1 Januari 2019.
- ii. Penghutang pada 31 Disember 2018 adalah RM36,000. Semua jualan diberikan tempoh tiga puluh (30) hari kredit. Anggaran jualan bagi tiga (3) bulan pertama 2019 adalah seperti berikut:-

	(RM)
Januari	44,000
Februari	40,000
Mac	48,000

- iii. Pemiutang pada 31 Disember 2018 adalah RM40,000. Semua belian diberikan tempoh tiga puluh (30) hari kredit. Anggaran belian bagi tiga (3) bulan pertama 2019 adalah seperti berikut:-

	(RM)
Januari	38,000
Februari	40,000
Mac	42,000

- iv. Belanja-belanja lain seperti berikut dibayar pada setiap hujung bulan dan pada nilai yang sama kecuali belanja am di mana amaun bayaran meningkat sebanyak 5% daripada bulan sebelumnya:-

	(RM)
Upah	2,400
Sewa	800
Overhed	500
Kos Angkutan	600
Belanja Am	240

- v. Puan Senrose merancang untuk membeli sebuah mesin jahitan bernilai RM5,000. Untuk itu, beliau perlu membayar 20% wang pendahuluan pada bulan Februari 2019 dan bakinya perlu dijelaskan sepenuhnya apabila mesin jahit tersebut dihantar ke butik beliau pada bulan berikutnya.
- vi. Ambilan tunai oleh Puan Senrose dianggarkan pada RM1,000 setiap bulan.

Dikehendaki:

- a. Sediakan belanjawan tunai bermula bulan Januari hingga Mac 2019. (16m)
 - b. Senaraikan DUA kepentingan penyediaan belanjawan tunai. (4m)
- (Jumlah 20m)

3. Berikut adalah urusan sepanjang bulan Oktober 2019 perniagaan Amnah Sdn Bhd yang mempunyai baki tunai sebanyak RM7,650 dan baki bank sebanyak RM21,350. (Belian dan jualan adalah secara kredit kecuali dinyatakan sebaliknya)

- 2 Beli barangan daripada Syarikat Misni RM10,500.
- 4 Jual barangan kepada Perak Business RM8,100, invois 204, syarat kredit 2/10, n/30.
- 5 Belian bekalan pejabat secara tunai RM80.
- 7 Jualan tunai sepanjang minggu RM9,160.
- 9 Bayar belian pada 2 Oktober dengan cek dan terima diskaun 2%.
- 10 Beli barangan daripada Syarikat Qayim RM14,200.
- 12 Terima cek daripada Perak Business untuk invois 204.
- 13 Pulang barang kepada Qayim RM250, nota kredit NK311 diterima 2 hari kemudian.
- 14 Jualan tunai sepanjang minggu RM8,180.
- 17 Jual barangan kepada DoBoy RM5,350, no invois 205, syarat kredit 2/10, n/30
- 18 Belian tunai RM2,125.
- 21 Jualan tunai sepanjang minggu RM8,426
- 23 Bayar Syarikat Qayim sepenuhnya dengan cek, tiada diskaun diterima.
Pindahkan RM20,000 tunai ke dalam bank.
- 25 Beli barangan daripada Fro Pro Ent. RM2,650.
Jual barangan kepada Green Corp RM5,220, invois 206, syarat kredit 2/10, n/30.
Terima cek daripada DoBoy untuk invois 205.
- 26 Beli tanah dan bangunan pada kos keseluruhan RM135,000. Pembayaran pendahuluan sebanyak RM13,500 dibuat dengan cek dan selebihnya pinjaman daripada Kaya Finance selama 15 tahun.
- 27 Beli barangan daripada Semit Corp RM7,500.
- 28 Jualan tunai sepanjang minggu RM8,450.
- 30 Beli barangan daripada Syarikat Misni RM14,000.
Bayar belanja iklan dengan cek RM600.
Jual barangan kepada DoBoy RM4,600, invois 207, syarat kredit 2/10, n/30.

Dikehendaki:

Merekodkan semua urusan niaga di atas ke dalam Buku Catatan Pertama termasuk Buku Tunai bagi bulan Oktober 2019. (30m)

4. Baki-baki berikut diperoleh daripada Imbangan Duga Perniagaan ABBA Enterprise pada 30 Jun 2019:

	Dr (RM)	Cr (RM)
Belian / Jualan	47,000	164,000
Sewa, Kadar dan Insurans	4,000	
Loji dan Peralatan	20,000	
Bank	6,000	
Pulangan	2,000	1,000
Angkutan Masuk	1,200	
Angkutan Keluar	800	
Diskaun	1,900	2,500
Percetakan dan Alatulis	2,600	
Elektrik & Air	2,100	
Stok Awal	38,000	
Pelbagai Pendapatan Lain		2,600
Gaji dan Upah	73,400	
Penghutang / Pemiutang Niaga	32,600	14,600
Premis	110,000	
Pinjaman dari Rich Bank		35,000
Belanja Faedah	3,200	
Ambilan	19,000	
Modai		144,100
	363,800	363,800

Maklumat tambahan:

Stok pada 30 Jun 2019 ialah RM41,000

Dikehendaki:

- Sediakan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. (18m)
 - Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2019. (12m)
- (Jumlah 30m)

- SOALAN TAMAT -

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]

Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong

[This page is purposely left blank]